

Mesej Sembilan

**Tanah yang Mempunyai Pohon Delima**

Bacaan Bible: Ul. 8:8; Kel. 28:33-34; 1 Raj. 7:18-20; Kid. 4:3b, 13a; 2 Ptr. 1:3-8

- I. Dalam Bible, pohon delima menandakan kepenuhan hayat, kelimpahan dan keindahan hayat, serta ekspresikekayaan hayat—Ul. 8:8; Kel. 28:33-34; 1 Raj. 7:18-20; Kid. 4:3b, 13a:**
- Buah delima yang masak bersama dengan benihnya memberikan tanggapan tentang kepenuhan hayat serta kelimpahan dan keindahan hayat.
  - Jika kita mengalami dan menikmati Kristus sebagai gandum, barli, pohon anggur, dan pohon ara, kelimpahan hayat Kristus akan bersama dengan kita, dan keindahan Kristus akan ada pada kita; inilah mengalami Kristus sebagai pohon delima.
  - Jika kita bertumbuh dalam hayat sehingga mencapai kematangan, kita akan menjadi pohon delima—Kol. 2:19; 1:28:
    - Semakin kita rela diperintah dan dihadkan oleh Tuan Yesus disebabkan kasih kita terhadap-Nya, semakin kita akan bertumbuh dalam hayat—ay. 13, 28.
    - Jika kita melihat visi Kristus yang almuhit dan luas tidak terbatas, kita akan menumpukan seluruh diri kita kepada Kristus ini, dan Dia akan memenuhi dan meresapi kita—ay. 12; 2:9, 16-17; 3:10-11:
      - Seluruh diri kita akan diduduki oleh Kristus yang besar, kaya tidak terduga, dan luas tidak terbatas—Ef. 3:18.
      - Bagi kita, hidup akan menjadi Kristus, yang telah memiliki kita sepenuhnya dan memenuhi kita serta menduduki kita dengan diri-Nya—Flp. 1:20-21a; Ef. 3:17a.
    - Menjadi penuh dewasa dalam Kristus bererti dipenuhi, ditepu, dan diresapi Kristus—Kol. 1:28:
      - Ini bermaksud bahawa setiap bahagian diri kita diduduki oleh Kristus—Ef. 3:17a; Gal. 4:19.
      - Inilah pertumbuhan dalam hayat dan kematangan dalam hayat, yakni hasil daripada mengalami Kristus yang diwahikan dalam Kolose—2:9, 19; 3:4, 10-11.

**II. Buah delima dan giring-giring emas berada pada bahagian bawah jubah hentar agung yang menandakan gereja—Kel. 28:33-34:**

- Gereja harus penuh dengan hayat dalam keinsanannya; ini merupakan makna buah delima yang diperbuat daripada linen.
- Gereja mempunyai keinsanan untuk mengekspresikan kepenuhan hayat dan juga kedivinan untuk mengeluarkan bunyi giring-giring emas:
  - Kepenuhan hayat diekspresikan dalam keinsanan gereja, tetapi bunyi yang memberi amaran diekspresikan dalam kedivinan (giring-giring emas) gereja.
  - Mula-mula kita ada ekspresi kepenuhan hayat dan kemudian kita ada bunyi giring-giring emas, iaitu pembicaraan daripada kedivinan gereja.
  - Keindahan hayat yang diekspresikan dalam keinsanan kita dan bunyi divin daripada giring-giring emas ialah tanda kehidupan gereja yang wajar.

**III. Dua ratus buah delima di sekeliling junjung yang ada di kepala tiang-tiang dalam bait menandakan ekspresikekayaan hayat—1 Raj. 7:18-20; 2 Taw. 3:15-16; Yer. 52:22-23:**

- Orang yang meletakkan diri mereka di bawah penghakiman Tuhan (tembaga), yang menganggap diri mereka tidak terbilang apa-apa, dapat memikul tanggungjawab dengan sepenuhnya di tengah-tengah situasi yang rumit dan bercampur aduk (jaring-jaring berpetak-petak dan lingkaran rantai) kerana mereka tidak hidup melalui diri mereka tetapi hidup melalui iktikad dalam Tuhan (bunga

Mesej Sembilan (sambungan)

bakung); dengan itu, mereka mengekspresikan kekayaan hayat sebanyak dua ratus kali ganda (buah delima)—1 Raj. 7:15-22.

- B. Daripada setiap satu ratus buah delima, sembilan puluh enam terdedah kepada udara, dan empat adalah tersembunyi—Yer. 52:22-23:
1. Ekspresi kekayaan hayat adalah lengkap hingga keabadian, dalam kesegaran kebangkitan, dan dalam Roh itu.
  2. Empat daripada setiap satu ratus buah delima adalah tersembunyi menunjukkan bahawa diri alamiah kita, hayat alamiah kita, dan diri kita harus disembunyikan.
  3. Apabila diri alamiah kita hilang, kita akan mempunyai sembilan puluh enam buah delima, iaitu ekspresi yang kaya bagi hayat Kristus dalam realiti udara rohani.

**IV. Menurut Kidung Agung, buah delima mempunyai makna rohani dalam pengalaman yang semakin berkembang bagi persekutuan kasih seseorang percyawan individu dengan Kristus—4:3b, 13a; 6:7, 11; 7:12; 8:2b:**

- A. “Pipimu bagaikan belahan buah delima / Di balik selubungmu”—4:3b; 6:7.
- B. “Aku turun ke kebun kacang / Untuk melihat kesegaran lembah, / Untuk melihat adakah pohon anggur sudah berkudup, / Adakah pohon delima sudah berbunga”—ay. 11.
- C. “Marilah kita bangun awal untuk pergi ke kebun anggur; / Marilah kita lihat adakah pohon anggur sudah berkudup, / Bunga sudah mekar, / Pohon delima sudah berbunga; / Di sana aku akan memberikan cintaku kepadamu”—7:12.
- D. “Aku akan memberi engkau minum wain berempah / Daripada air buah delimaku”—8:2b.
- E. “Tunas-tunasmu merupakan kebun pohon delima / Dengan buah yang terbaik”—4:13a:
  1. Dalam kenikmatan Kristus terhadap pencinta-Nya, dia merupakan taman terkunci yang menumbuhkan segala jenis tumbuhan berwarna-warni, iaitu ekspresi yang berlainan bagi hayat dalaman, dan juga pelbagai keharuman, iaitu ekspresi yang kaya bagi hayat matang—ay. 13-14.
  2. Ini menjadi kecantikan pencinta yang ternyata bagi Tuan; pencinta Kristus kini adalah kaya dalam hayat, menghasilkan buah untuk mengkhasiat dan menyegarkan orang, menghasilkan keharuman yang manis, dan memaparkan warna yang cantik untuk dinikmati Kristus.

**V. Dalam 2 Petrus 1:3-8 kita mempunyai perkembangan virtu-virtu yang unggul melalui kenikmatan terhadap sifat divin:**

- A. “Segala sesuatu yang berkenaan hayat dan kesalihan” ialah pelbagai aspek hayat divin yang ditamsilkan oleh kekayaan hasil keluaran dari tanah permai—ay. 3:
  1. Hayat berada di dalam, membolehkan kita hidup; kesalihan berada di luar sebagai ekspresi luaran bagi hayat dalaman.
  2. Hayat ialah tenaga dalaman, iaitu daya dalaman untuk melahirkan kesalihan luaran yang membawa kepada kemuliaan dan menghasilkan kemuliaan.
- B. Iktikad boleh dianggap sebagai benih hayat yang almuhit, dan kasih boleh dianggap sebagai buah dalam perkembangan penuhnya—ay. 3, 8.
- C. Akhirnya, kita akan mempunyai perkembangan penuh dan kematangan dalam hayat daripada benih iktikad, menerusi akar virtu dan pengetahuan, batang kawalan kendiri, dan dahan kesabartahanan dan kesalihan, hingga ke bunga dan buah kasih sesama dikbang dan kasih—ay. 5-8.